

Tuanku punyai ingatan tajam

Utusan Online

11 April, 2012

Oleh ZAINAL AZHAR MOHAMED dan AZRAI MOHAMMAD

KUALA LUMPUR 10 April - Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang bakal ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 esok, dikenali sebagai seorang yang mempunyai ingatan yang tajam tentang sesuatu fakta.

Meskipun sesuatu perkara itu telah lama berlalu, Seri Paduka masih boleh mengingatinya dengan baik.

Begitu yang dapat disimpulkan Juruiring Darat Yang di-Pertuan Agong, **Brig. Jen. Datuk Mohd. Nizam Jaffar** tentang keperibadian Tuanku Abdul Halim ketika pernah berkhidmat di bawah Seri Paduka sejak 20 tahun lalu.

Perkara itu menyebabkan Mohd. Nizam akan berhati-hati ketika menjawab soalan daripada Seri Paduka dan tidak sekadar 'melepaskan batuk di tangga'.

Meskipun demikian, ujarinya, Tuanku Abdul Halim mudah menerima pendapat pihak lain termasuk pegawai istana tetapi tegas dalam setiap urusan.

"Apa yang perlu berhati-hati adalah tentang sesuatu fakta apabila disoal oleh Seri Paduka, walaupun ia perkara lama tetapi jawapannya perlu tepat kerana Tuanku tidak pernah lupa tentang fakta.

"Itulah yang saya pelajari ketika berurusan dengan Tuanku Abdul Halim sejak 20 tahun lalu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Keperibadian Tuanku Abdul Halim itu turut disokong Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertuan Agong, **Elmi Yusoff** dan Penghulu Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang ke-14, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, **Datuk Awang Kechik Abdul Rahman**.

Elmi menambah, Seri Paduka juga komited dalam menjalankan urusan pentadbiran.

"Sehingga kini Seri Paduka menjalankan urusan pentadbiran seperti biasa dengan penuh komited serta memandang serius dalam setiap isu atau masalah yang melanda masyarakat.

"Malah, dalam hal masa, Seri Paduka sentiasa menepati dan menghargai masa walaupun ketika hendak ke pejabat untuk tugas rutin," jelasnya.

Awang Kechik pula terharu dengan keprihatinan Tuanku Abdul Halim yang mengambil berat tentang persiapan majlis istiadat tersebut.

"Semalam, Seri Paduka mencemar duli dengan hadir ke Balairong Seri Istana Negara sebanyak dua kali untuk melihat sendiri persiapan yang dibuat.

"Walaupun peristiwa bersejarah tersebut adalah kali kedua bagi Seri Paduka namun Tuanku sentiasa mahu memastikan ia berjaya," katanya.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm